



## IKLAN JAWATAN KOSONG PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN N19

### INDIVIDU (WARGANEGARA MALAYSIA) YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN DI BAWAH

1. (a) Jawatan: : Pembantu Penyediaan Makanan  
(b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Universiti Sains Malaysia  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan (N)  
(d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana  
(e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan SPM  
(f) Gred : N19
2. Jadual Gaji : (RM Sebulan)

Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
N19	1,352.00	4,003.00	100.00

- Imbuan Tetap : Khidmat Awam : RM 115.00  
Perumahan : RM 300.00

3. Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-  
a) Warganegara Malaysia;  
b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
c) Kelayakan Lantikan Ke Gred N19 :

- : (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga pada peringkat peperiksaan tersebut).

Gaji Pemulaan di Gred N19: RM1,352.00  
ATAU

- : (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan

Gaji Pemulaan di Gred N19: RM1,352.00  
ATAU

: (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Pemulaan di Gred N19: RM1,408.40  
ATAU

: (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Pemulaan di Gred N19: RM1,464.80.

Syarat Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap/ Kontrak
5. Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pembantu Penyediaan Makanan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan
6. Ringkasan Tugas : **Khusus**  
Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Keutamaan akan diberikan kepada staf tetap/kontrak yang sedang berkhidmat di Universiti Sains Malaysia/ Hospital Universiti Sains Malaysia.

## PENDAFTAR